

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA)—KERAJAAN MENGGALAKKAN PENUBUHAN LEBIH BANYAK PERUSAHAAN MENGELUARKAN BERBAGAI KOMPONEN YANG DIPERLUKAN OLEH PERUSAHAAN TEMPATAN, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI. KATANYA, INI LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN MENINGKATNYA NILAI YEN JEPUN MEMANDANGKAN KEBANYAKAN KOMPONEN YANG DIPERLUKAN ITU DIIMPORT DARI JEPUN.

BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR DEMIKIAN SELEPAS MELAWAT MATSUSHITA ELECTRIC CO. (M) BHD. DI SHAH ALAM DAN MENGADKAN DIALOG DENGAN WAKIL SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN DI SINI.

KATANYA, SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN BUAT MASA INI TIDAK DAPAT MEMBEKALKAN KOMPONEN-KOMPONEN YANG DIPERLUKAN OLEH PERUSAHAAN-PERUSAHAAN DI SINI.

INI, KATANYA, MERUPAKAN SATU DARI MASALAH YANG DITIMBULKAN OLEH WAKIL SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN ITU DALAM PERTEMUANNYA DENGAN BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

LAIN-LAIN MASALAH YANG DIHADAPI MEREKA IALAH MENGENAI PENYERTAAN EQUITI, IAITU KESUKARAN MENDAPATKAN PENYERTAAN BUMI-PUTERA YANG DI-PERLUKAN, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG MENCUKUPI, DAN KELEWATAN MEMBUKA KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS.

—BERSAMBUNG 1541/MD

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU TELAH MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA USAHAWAN JEPUN TERSEBUT BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH MENGATASI MASALAH-MASALAH ITU.

PERTEMUAN BELIAU DENGAN PARA USAHAWAN JEPUN ITU JUGA IALAH UNTUK MEMBIASAKAN DIRI DENGAN KEPERLUAN-KEPERLUAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN SEBELUM BERLEPAS KE JEPUN PADA PENGHUJUNG BULAN OKTOBER UNTUK MENGETUAI ROMBONGAN PERDAGANGAN KE SANA.

PARA USAHAWAN JEPUN DI SINI AKAN MENGEMUKAKAN SATU LAPORAN KEPADA DR. MAHATHIR SEBELUM BELIAU BERLEPAS KE JEPUN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN KESALNYA BAHAWA SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN DALAM AKHBAR ASING BERTERUSAN MEMBERIKAN PUBLISITI BURUK TERHADAP NEGARA INI.

MENGENAI AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU TIDAK ADA MENERIMA SEBARANG ADUAN DARI AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN SEMASA DIADAKAN PERTEMUAN ITU.

MALAH, TAMBAHNYA, AKTA TERSEBUT TIDAK PERNAH MENIMBULKAN SEBARANG MASALAH KEPADA PARA PELABUR ASING SEPERTI YANG TERNYATA SEMASA BELIAU MENGADAKAN LAWATAN KE SEBERANG LAUT. —BERSAMBUNG 1545ND

22

B562

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+MEREKA YANG BIMBANG TENTANG AKTA TERSEBUT HANYALAH AHLI-AHLI POLITIK YANG MEMPUNYAI BERBAGAI MOTIF LAIN,+ KATANYA.

MENGENAI LAWATANNYA KE JEPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MENEMUI PARA USAHAWAN JEPUN UNTUK MENJELASKAN SEBARANG KERAGUAN MENGENAI MALAYSIA DAN JUGA UNTUK MENARIK LEBIH BANYAK PELABURAN JEPUN KE NEGARA INI.

BELIAU JUGA AKAN MENGETAUAI ROMBONGAN PELABURAN SELAMA TIGA MINGGU KE AMERIKA SYARIKAT MULAI 22 SEPTEMBER. ANTARA TEMPAT-TEMPAT YANG AKAN DILAWAT IALAH NEW YORK, SEATTLE, HOUSTON, CHICAGO DAN LOS ANGELES.

KATANYA, REKOD PERNIAGAAN MATSUSHITA MENUNJUKKAN BAHAWA JEPUN MEMPUNYAI KEYAKINAN PENUH TERHADAP NEGARA INI.

INI JELAS DENGAN BERTAMBAHNYA PELABURAN SYARIKAT ITU DARI \$3.5 JUTA DALAM TAHUN 1966 KEPADA \$80 JUTA TAHUN INI.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA SEBUAH SYARIKAT AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI DI JOHOR UNTUK MENGELUARKAN BARANG-BARANG GANTI TELEVISYEN DAN KOMPUTER UNTUK DIEKSPORT. —BERNAMA 1550/MD